YASSIN BIN BACHIK

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
DATO' MOHD GHAZALI BIN MOHD YUSSOF PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-20-91]
22 JUN 1994

UNDANG-UNDANG JENAYAH: Menerima suapan secara rasuah - Seksyen 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 - Wang suapan - Samada diterima - Wang suapan diberi atas desakan tertuduh tetapi dengan kesediaan pengadu - Samada pengadu rakan sejenayah - Keterangan pengadu - Samada boleh diterima - Samada perlu disokong oleh keterangan bebas.

PROSIDUR JENAYAH: Hukuman - Menerima suapan secara rasuah - Anggota polis - Tertuduh telah berkhidmat dengan pasukan polis selama 21 tahun - Kesalahan pertama - Hukuman 5 bulan penjara - Samada patut.

Perayu adalah seorang anggota polis dan telah disabitkan atas tuduhan menerima suapan secara rasuah di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 oleh Mahkamah Sesyen dan dihukum lima bulan penjara serta diperintah membayar penalti sebanyak RM 150. Perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Fakta kes menunjukkan bahawa perayu telah berjumpa dengan pengadu (SP1), yang disyakki oleh perayu melakukan kesalahan membantu melupuskan harta curi, dan memberitahu SP1 bahawa beliau (SP1) akan dibawa oleh polis ke Johor Bahru untuk siasatan. SP1 meminta supaya perkara tersebut diselesaikan dan ekoran dari permintaan itu perayu mencadangkan bayaran penyelesaian sebanyak RM 150. SP1 bersetuju dan berjanji akan membayarnya pada suatu hari lain yang mereka tetapkan dengan persetujuan bersama.

SP1 membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan satu perangkap telah dibuat dimana wang sebanyak RM 150, yang telah ditanda, diserahkan oleh BPR kepada SP1 untuk diserahkan kepada perayu. Pada waktu dan tempat yang dijanjikan SP1 berjumpa dengan perayu dan di situ menyerahkan wang perangkap kepada perayu. Sebaik sahaja wang berkenaan diterima oleh perayu, pegawai-pegawai BPR, yang sedang membuat intipan, terus menyerbu dan menangkap perayu selepas satu pergelutan dan selepas percubaan perayu untuk lari gagal. Wang sebanyak RM 150 dijumpai di dalam longkang tidak jauh dari tempat perayu ditangkap.

Hakim Sesyen, bila mensabitkan perayu, telah menolak dakwaan Peguam perayu bahawa SP1 adalah rakan sejenayah dan sebaliknya berpendapat bahawa SP1 adalah seorang saksi perangkap dan dengan itu menerima keterangan yang diberikan oleh SP1. Beliau selanjutnya berpendapat bahawa keterangan SP1, terutamanya tentang pemberian dan penerimaan wang perangkap, telah disokong oleh keterangan bebas dari saksi-saksi pendakwa yang lain. Di hadapan Yang Arif Hakim persoalan penting yang timbul ialah pertama, samada SP1 dalam halkeadaan kes ini adalah seorang rakan sejenayah dan jika ya, samada terdapat keterangan bebas yang lain yang menyokong keterangan SP1.

Diputuskan:
[1] Perayu telah gagal menunjukkan kepada Mahkamah bahawa keputusan Hakim Sesyen pada keseluruhannya adalah salah dari segi undang-undang ataupun berlawanan dengan keterangan yang telah diberi.

[2] Keterangan menunjukkan bahawa SP1 bersedia memberi suapan kepada perayu bagi menyelesaikan masalah motosikal berkenaan dan oleh itu beliau adalah seorang rakan sejenayah. Walau bagaimanapun SP1 telah bertindak demikian kerana pada masa itu ia menghadapi desakan daripada perayu yang telah memberitahunya bahawa anggota polis dari Johor Bahru akan datang dan menangkapnya. Di samping itu SP1 juga telah membuat laporan kepada pihak BPR sebelum suapan diberi. Oleh hal yang demikian, walaupun SP1 boleh dikatakan seorang rakan sejenayah, ini tidak bermakna ia adalah seorang yang tidak boleh dipercayai.

[3] Seksyen 18 Akta Pencegah Rasuah, pada kesannya, meringankan prinsip undang-undang bahawa keterangan seorang rakan sejenayah perlu disokong. Ini bermakna keterangan seorang saksi yang membayar atau menyerah suapan masih boleh dipercayai walaupun ia boleh dikatakan sebagai seorang rakan sejenayah. Daripada autoriti-autoriti yang telah diputuskan, adalah juga jelas bahawa Mahkamah boleh menerima keterangan seorang rakan sejenayah walaupun ianya tidak disokong oleh keterangan bebas dengan syarat Hakim "warn himself of the danger of acting on the uncorroborated testimony of an accomplice".

[4] Keterangan dalam kes ini menunjukkan bahawa keterangan SP1 terutama yang berkenaan dengan pemberian dan penerimaan wang perangkap telah disokong oleh saksi-saksi lain seperti SP3 dan SP4, yang merupakan saksi bebas, dan juga SP6 dan SP7, iaitu pegawai-pegawai BPR, yang merupakan saksi perangkap. SP4 telah melihat perayu membuang sampul surat berkenaan semasa perayu sedang bergelut dengan beberapa pegawai BPR, manakala SP3 pula menjumpai sampul surat tersebut yang masih mengandungi RM 150 dari dalam longkang. Disamping itu penyerahan wang sebanyak RM 150 oleh SP1 kepada perayu telah dilihat dengan jelas oleh SP6 dan SP7. Keterangan sokongan oleh saksi-saksi ini adalah keterangan bebas dan ia jelas menunjukkan bahawa perayu telah menerima wang suapan yang diserahkan oleh SP1. Walaupun wang suapan dijumpai dari dalam longkang undang-undang tidak memerlukan wang suapan mesti dijumpai dengan seorang tertuduh. Selain itu kelakuan perayu yang hendak melarikan diri dengan sendirinya adalah keterangan sokongan. Begitu juga fakta bahawa perayu telah tiba di DB Sound Studio pada masa dan tarikh yang ditetapkan olehnya dan SP1.

[5] Walaupun kesalahan menerima suapan adalah satu kesalahan yang serius, memandangkan bahawa ini adalah kesalahan pertama perayu, dan bahawa perayu akan juga dipecat dari pasukan polis dalam mana dia telah berkhidmat selama 21 tahun, hukuman penjara yang dikenakan adalah tidak berpatutan. Sebagai ganti perayu dikenakan hukuman satu hari penjara dan denda RM 2000 dan jika engkar 6 bulan penjara. Perintah membayar penalti bagaimanapun adalah dikekalkan.

[Sabitan dikekalkan. Rayuan terhadap hukuman dibenarkan dan digantikan seperti perintah].

Kes-kes yang dirujuk:
Ng Kok Lian v. PP [1983] 2 MLJ 379 ***(dirujuk)***
Soosay Dass v. PP [1951] 17 MLJ 57 ***(dirujuk)***
Attan bin Abdul Ghani v. PP [1970] 2 MLJ 143 ***(dirujuk)***
Che Din bin Ahmad v. PP [1976] 1 MLJ 289 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Pencegah Rasuah 1961, s. 4(a), 18

Bagi pihak perayu - R.K. Menon; T/n R.K. Menon & Co. bersama En. Nordin bin. Hussin; T/n Tia & Nordin

Bagi pihak responden - En. Mohd Zawawi bin. Salleh, TPR

ALASAN PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali bin Mohd Yussof PK:

Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan oleh Mahkamah Sesyen, Kota Tinggi, Johor pada 15 Ogos 1991 di atas tuduhan seperti berikut:

> That you on 1 March 1988 at about 4.00 p.m. at DB Studio, No. 3 Jalan Titiwangsa, Felda Bukit Besar, Kota Tinggi, in the state of Johor, being an agent of the goverment of Malaysia, to wit, corporal 56625 attached to balai polis Bukit Besar, did corruptly accept for yourself a gratification, to wit, a sum of RM150 cash from one Azman bin Seju as an inducement for forbearing to do an act in relation to your principal's affairs, to wit, to refrain from taking action against the said Azman bin Seju for an alleged offence of assisting in disposing of stolen property, to wit, Yamaha 125 Scrambler bearing registration No. JAM 7809, an offence under s. 414 of the Penal Code and that you thereby committed an offence under s. 4(a) of the Prevention of Corruption Act 1961 (Laws of Malaysia Act 57) and punishable under s. 4 of the said Act:,

dan telah dijatuhkan hukuman penjara selama 5 bulan dan diperintah membayar penalti sebanyak RM150 dan jika ingkar dua minggu penjara.

Fakta-fakta terkemuka kes adalah seperti berikut:

SP1, pengadu dalam kes ini, telah memberi keterangan bahawa dalam tahun 1988 ia telah pergi bersama kawannya, SP2, ke balai polis Bukit Besar untuk memberi keterangan mengenai sebuah motosikal yang ia pernah miliki. Di balai polis itu ia telah berjumpa dengan perayu, seorang anggota polis. SP1 telah mengaku ia telah jual motosikal itu kepada SP2 dan sebelum itu telah membeli motosikal itu daripada seorang yang bernama Zakaria bin Keliwon. Perayu telah meminta SP1 memanggil Zakaria untuk memberi keterangan mengenai penjualan motosikal itu kepada SP1.

Pada keesokannya SP1 telah berjumpa dengan Zakaria untuk meminta ia berjumpa dengan perayu tetapi Zakaria telah enggan berbuat demikian. SP1 kemudiannya telah pergi berjumpa perayu tetapi beliau masih mendesak kehadiran Zakaria. Selepas itu SP1 bertemu dengan perayu sebanyak dua kali di kedai runcit bersebelahan dengan tempat perniagaannya, iaitu, DB Sound Studio dan perayu masih mendesak ia membawa Zakaria untuk beri keterangan. Perayu telah beritahu SP1 bahawa motosikal itu adalah barang curi dan jika Zakaria tidak tampil untuk memberi keterangan SP1 akan dipertanggungjawabkan bagi motosikal itu.

Pada 28 Februari 1988 perayu telah tiba di DB Sound Studio dan beritahu SP1 oleh kerana motosikal itu adalah barang curi, 3 anggota polis daripada Balai Polis Johor Bahru akan membawa SP1 dan motosikal itu ke balai polis Johor Bahru. Apabila ditanya oleh perayu, SP1 menjawab ia tidak sanggup di bawa ke balai polis Johor Bahru dan bertanya perayu sama ada perkara itu boleh diselesaikan. Perayu telah beberapa kali minta penjelasan tentang bentuk penyelesaian yang dimaksudkan oleh SP1 tetapi oleh kerana SP1 berdiam sahaja perayu telah tanya adakah penyelesaian itu berbentuk kewangan. SP1 telah menjawab "kalau boleh". Kemudiannya SP1 mencadangkan RM200 untuk menyelesaikan perkara itu. Walau bagaimanapun perayu mencadangkan RM150 sahaja kerana ia dapati adalah berat bagi SP1 mencari

wang sebanyak RM200. Perayu meminta wang itu dibayar pada keesokannya tetapi kerana SP1 meminta tempoh untuk membuat pembayaran, perayu telah meminta pembayaran dibuat pada 1 Mac 1988. Perayu memaklumkan ia akan datang ke DB Sound Studio pada sebelah petang pada tarikh itu.

Pada keesokannya, iaitu 29 Februari 1988, SP1 telah memberitahu abangnya, Mohd. Razib bin Seju, tentang kejadian itu dan berikutnya abangnya menelefon pihak BPR. Pada waktu 10.00 malam hari itu dua pegawai BPR telah datang berjumpa SP1 dan telah mengambil laporannya.

Pada 1 Mac 1988 satu kumpulan pegawai BPR telah tiba di DB Sound Studio setelah merancang untuk memerangkap perayu jika ia tampil untuk menerima wang daripada SP1. SP1 telah diberi wang perangkap yang bertanda sebanyak RM150 yang dimasukan ke dalam satu sampul surat untuk diberikan kepada perayu. Pada waktu 4.00 petang perayu telah tiba di DB Sound Studio dan selepas bertemu dengan SP1 telah meminta ia memberi wang itu. Selepas, menerimanya ia telah memasukkan sampul surat yang mengandungi wang perangkap itu ke dalam kocek bajunya dan kemudian pergi ke kedai runcit sebelah DB Sound Studio. Dihadapan kedai runcit itu beberapa pegawai BPR yang sedang membuat pemerhatian sulit telah cuba membuat tangkapan ke atas perayu dan satu pergelutan telah berlaku kerana perayu telah cuba melarikan diri. Akhirnya perayu ditangkap dan sampul surat serta wang perangkap itu telah dijumpa di sebelah tong sampah di dalam longkang di hadapan kedai runcit itu.

Perayu telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Tinggi di atas tuduhan secara rasuah menerima suapan RM150 tunai di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 dan tidak mengaku salah. Di akhir kes pendakwaan Hakim Mahkamah Sesyen setelah berpuas hati pihak pendakwaan telah membuktikan pertuduhan terhadap perayu telah memanggilnya membela diri. Perayu memberi keterangan bersumpah dan berkata pada hari berkenaan ia telah pergi ke kedai runcit bersebelah DB Sound Studio untuk membeli barang-barang runcit dan semasa menunggu pelayanan telah mendengar bunyi bising disebelah kedai itu. Ia telahpun pergi ke DB Sound Studio dan dapati SP1 ada di situ. Ia telahpun masuk ke dalam DB Sound Studio dan mendapati ada beberapa pemuda sedang berlatih main muzik. Berikutnya ia telah pergi semula ke kedai runcit dan di situ beberapa orang yang ia tidak mengenali telah memegangnya. Kemudiannya mereka telah mengenalkan diri sebagai pegawai-pegawai BPR. Perayu menafikan SP1 memberinya satu sampul surat semasa ia bertemunya di DB Sound Studio dan menafikan ia telah membuang sampul surat semasa ia ditahan. Ia juga menafikan ia telah bergelut dengan pegawai-pegawai BPR tersebut.

Di akhir kes pembelaan Hakim Mahkamah Sesyen, setelah berpuas hati perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan didalam kes pendakwaan telah memutuskan ia bersalah. Perayu telah merayu ke Mahkamah ini terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen atas beberapa alasan dan di peringkat rayuan telah utamakan alasan-alasan yang berikut:-

(1) Hakim Mahkamah Sesyen membuat kesilapan dari segi undang-undang dan fakta apabila ia mendapati SP1 bukan seorang rakan sejenayah; dan

(2) wang perangkap tidak dijumpai dengan perayu dan hanya dijumpa selepas beberapa ketika.

Mengenai isu sama ada SP1 adalah rakan sejenayah Hakim Mahkamah Sesyen dalam alasan penghakimannya telah menyatakan -

> Peguam menghujahkan bahawa SP1 ialah seorang rakan sejenayah kerana beliau memainkan peranan penting didalam memerangkap tertuduh. Tetapi pihak pegumbela tidak menyatakan pula apakah peranan penting yang dimaksudkannya itu. Kalau setakat memberi wang suapan SP1 adalah dilindungi oleh s. 18 Akta yang sama. Jika pihak pembela maksudkan tentang perbuatan-perbuatan lain oleh SP1, saya rasa itu tidak menjadikan beliau sebagai seorang rakan sejenayah kerana memang pada lazimnya aduanlah yang membuat repot kepada Badan Pencegah Rasuah dan bertindak mengikut arahan yang diberikan oleh Badan Pencegah Rasuah. Jadi disini sekali lagi saya menolak hujah pihak peguambela.

Semasa perbicaraan rayuan ini peguam perayu menghujah bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tidak langsung beri perhatian kepada peranan SP1 dan jika ia beri perhatian ia akan dapati SP1 adalah seorang rakan sejenayah dan oleh itu perlu "warn herself of the danger of acting on the uncorroborated evidence of an accomplice". Hakim Mahkamah Sesyen telah menolak dakwaan Peguam perayu bahawa SP1 adalah rakan sejenayah kerana ia tidak menjelaskan apakah peranan SP1 yang membuatnya seorang rakan sejenayah.

Saya mendapati petikan alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen seperti diatas menunjukkan ia telah menghalusi dakwaan Peguam perayu bahawa SP1 adalah rakan sejenayah dan selepas itu tidak bersetuju dengan dakwaannya. Ia mendapat SP1 adalah hanya seorang saksi perangkap kerana beliau telah membuat laporan kepada pihak BPR dan selepas itu telah bertindak atas arahan pihak BPR dan oleh itu, ia bukan seorang rakan sejenayah. Seperti diputuskan di dalam kes *Ng Kok Lian v. PP* [1983] 2 MLJ 379 di ms. 382 -

> Thus in every case when the issue is raised that a witness is an accomplice the court must study the evidence and make the necessary finding. There can be no rule of law or evidence that a witness is automatically an accomplice just because of his *actus reus*. The whole idea is completely contrary to the basic concept of criminal liability.,

dan seperti disebut di atas, Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat kajian ke atas keterangan SP1 dan berikutnya membuat keputusan ia tidak setuju dengan dakwaan pihak perayu bahawa SP1 adalah seorang rakan sejenayah. Adalah jelas Mahkamah tidak boleh secara automatik berkata seorang saksi adalah rakan sejenayah hanya kerana peguambela berkata demikian. Apa yang diperlu ialah Mahkamah hendak menilai keterangan saksi itu dan membuat keputusan samada ia adalah rakan sejenayah seperti dicadangkan di dalam kes *Ng Kok Lian & Anor. v. PP (supra)*. Di dalam kes ini Hakim Mahkamah Sesyen telahpun berbuat demikian.

Isu yang dipertikaikan oleh pihak perayu ialah Hakim Mahkamah Sesyen telah tersilap apabila ia memutuskan SP1 bukan seorang rakan sejenayah. Menurut SP1 ia telah bertanya perayu samada kes motosikal itu boleh diselesaikan dan apabila perayu meminta penjelasan samada ia bermaksud selesai secara bentuk kewangan, ia telah menjawab "kalau boleh". Pada permukaannya perbualan ini menunjukkan SP1 bersedia memberi suapan kepada perayu bagi menyelesaikan masalah motosikal itu dan oleh itu saya bersependapat dengan penghujahan peguam perayu bahawa SP1 adalah seorang rakan sejenayah. Walau bagaimanapun saya mendapati SP1 telah bertindak demikian kerana pada masa itu ia menghadapi desakan daripada perayu yang telah memberitahunya 3 anggota polis daripada Johor Bahru akan membawanya dan motosikal itu ke Balai Polis Johor Bahru. Di samping itu ia telah membuat laporan

kepada pihak BPR sebelum suapan diberi. Oleh itu saya mendapati walau pun SP1 boleh dikatakan adalah seorang rakan sejenayah ini tidak bermakna ia adalah seorang yang tidak boleh dipercayai semata-matanya. Di dalam kes *Soosay Dass v. PP* [1951] 17 MLJ 57 di ms. 53, Taylor, J. telah berkata -

> A man who becomes an accomplice only underpressure is less seriously credited than a man who becomes an accomplice voluntarily.,

dan di ms. yang sama, Taylor, J. berkata -

> Counsel for the appellant said that every man must be either an accomplice or not but that is a very misleading proposition. There always have been degrees of complicity and the degree of complicity has always been one of the matters to be considered in deciding whether or not corroboration can be dispensed with.

Seksyen 18 Akta Pencegah Rasuah 1961 pula memperuntukkan -

> s. 18. Walau apapun peruntukan mana-mana kaedah undang-undang atau undang-undang bertulis yang berlawanan, tiada seseorang Saksi boleh, dalam sesuatu perbicaraan atau penyiasatan sebagaimana yang disebutkan dalam s.17, dianggap sebagai tidak boleh dipercayai kebenarannya semata-mata oleh sebab apa-apa pembayaran atau penyerahan olehnya atau bagi pihaknya akan apa-apa suapan kepada seseorang ejen atau anggota sesuatu badan awam..

Walau pun tidak disebutkan demikian, seksyen ini meringankan prinsip undang-undang bahawa keterangan seorang rakan sejenayah perlu disokong. Ini bermakna keterangan seorang saksi yang membayar atau menyerah suapan masih boleh dipercayai walau pun ia boleh dikatakan adalah seorang rakan sejenayah. Prinsip undang-undang yang didapati di dalam beberapa autoriti menghendaki keterangan seorang rakan sejenayah perlu disokong oleh keterangan bebas yang lain. Di samping itu autoriti-autoriti berkenaan juga menyatakan mahkamah boleh terima keterangan demikian walau pun ia tidak disokong oleh keterangan bebas dengan syarat hakim "warn himself of the danger of acting on the uncorroborated testimony of an accomplice".

Isu yang timbul ialah samada dalam kes ini adanya keterangan bebas yang lain yang menyokong keterangan SP1. Dalam alasan penghakimannya Hakim Mahkamah Sesyen medapati pemberian dan penerimaan wang perangkap telah saksikan oleh dua pegawai BPR, iaitu, SP6 tan SP7. Ia juga mendapat SP4, seorang pembantu kedai runcit, telah melihat perayu membuang sampul surat berkenaan semasa ia bergelut dengan beberapa pegawai BPR di luar kedai itu. Keterangan SP4, SP6 tan SP7 dengan jelas adalah keterangan bebas yang menyokong keterangan SP1 dan menunjukkan perayu telah menerima suapan apabila ia datang ke DB Sound Studio pada tarikh yang ditetapkan dan menerima sampul surat yang mengandungi wang perangkap daripada SP1. SP3 telah jumpa sampul surat itu di dalam longkang berhampiran kedai runcit itu dan ia telah menyerahkan sampul surat itu kepada SP7. SP7 telah mendapati wang perangkap itu masih di dalam sampul surat berkenaan. Walau pun boleh dikatakan SP1 adalah seorang rakan sejenayah, adalah jelas SP3, SP4, SP6 dan SP7 tidak boleh jatuh di bawah kategori yang sama. SP3 dan SP4 adalah saksi bebas dan SP6 dan SP7, selaku pegawai BPR, adalah saksi perangkap. Kelakuan perayu yang hendak melarikan diri dengan sendirinya adalah keterangan sokongan. Di dalam kes *Attan bin Abdul Ghani v. PP* [1970] 2 MLJ 143 di m.s. 146 Sharma J. semasa meringkas "the law as to corroboration" telah berkata -

(6) corroborative evidence required for accepting the testimony of an accomplice need not by itself conclusively establish the guilt of the accused. It is sufficient if it is a piece of circumstantial evidence which tends to connect the accused with the crime with which he is charged.

Kesimpulannya saya mendapati walau pun boleh dikatakan SPl adalah seorang rakan sejenayah keterangannya dengan jelas telah disokong dengan mencukupi oleh keterangan SP3, SP4, SP6 dan SP7 dan juga keterangan ikut keadaan seperti fakta bahawa perayu telah tiba di DB Sound Studio pada masa dan tarikh yang ditetapkan olehnya dan SP1. Mengenai sokongan ('corroboration') Sharma J. telah berkata di dalam kes *Attan bin Abdul Ghani v. PP (supra)* di m.s. 146 seperti berikut -

There is no magic in the use of the word "corroboration". The existence of corroboration is not dependant upon the use of that word. The main thing to look for is whether it exists. In some cases it may require some effort, examination and analysis of the evidence to find it, while in others, as in this case, it may appear undisguised and manifest on the face of the record itself. I have already in the case of *Chua Beow Huat v. Public Prosecutor* held that the appellate court is at liberty to look for and find corroboration in the evidence even if the trial court has omitted to do so.

Oleh itu saya mendapat alasan pihak perayu bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tersilap apabila ia mendapati SP1 bukan seorang rakan sejenayah tidak berasas kerana walaupun demikian, keputusannya tidak langsung menjejaskan atau memudaratkan kes pihak perayu kerana keterangan SP1 telah mencukupi disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan berkenaan. Perayu telah gagal menunjukkan kepada mahkamah ini bahawa keputusan Hakim Mahkamah Sesyen pada keseluruhannya adalah salah dari segi undang-undang atau berlawanan dengan keterangan yang telah diberi.

Mengenai alasan keduanya yang diutamakan di peringkat rayuan ini , Peguam perayu telah berhujah wang perangkap tidak dijumpa dengan perayu dan hanya selepas beberapa ketika. Saya juga mendapat penghujahan ini tidak berasas. Undang-undang tidak memerlukan wang suapan mesti di jumpa dengan seorang tertuduh. A pa yang perlu dibuktikan ialah samada seorang tertuduh telah menerima suapan. Di dalam kes *Che Din bin Ahmad v. PP* [1976] 1 MLJ 289, satu kes berkenaan tuduhan menerima suapan, walau pun wang perangkap telah dijumpai dengan seorang saksi pendakwaan dan bukan dengan tertuduh, tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan. Syed Agil Barakbah J. dalam kes itu telah berkata di m.s. 290 -

Under the Act it is incumbent on the prosecution to prove, *inter alia*, that the appellant did actually receive the gratification before the presumption under section 14 that the gratification has been received corruptly is invoked. Then the onus is on the appellant to prove to the contrary according to the principle adopted by the Privy Council in *Public Prosecutor v. Yuvaraj*. It is not incumbent on the prosecution to prove that the money was found in the possession of the appellant so long as the trial court is satisfied from the evidence that it was the appellant who received the money.

Di dalam kes *Attan bin Abdul Gani v. PP (supra)*, satu kes berkenaan tuduhan menerima suapan juga, wang perangkap telah dijumpa di dalam longkang, dan Sharma J. telah berkata di m.s. 145 -

The learned president having found as a fact the sum of RM50 was received by the appellant from PW1, the presumption under section 14 of the Prevention of Corruption

Act, 1961 obviously arose in the case. The presumption is that the gratification as defined in the Act was received corruptly and as an inducement to charge P.W.1 under a lesser charge ..... Once it is proved that the gratification has been paid or received then in the words of section 14 of the Act 'Such gratification shall be deemed to have been paid or received corruptly ...'. The presumption at once arises under the section.

Kedua-dua autoriti di atas dengan jelas menunjuk tidak ada keperluan undang-undang bahawa suapan mesti dijumpa dengan perayu. Seperti telah diterangkan di at as, SP6 dan SP7 telah memberi keterangan yang mereka melihat SP1 memberi sampul surat yang mengandungi wang perangkap kepada perayu dan SP4 telah melihat perayu membuang satu sampul surat semasa ia bergelut dengan beberapa pegawai BPR. SP3 pula telah jumpa sampul surat yang mengandungi wang perangkap itu di dalam longkang yang berhampiran. Semua keterangan ini dengan jelas menunjukkan perayu telah menerima suapan itu. Saya juga mendapat perayu telah gagal menunjukkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen tentang alasan rayuan ini adalah salah dari segi undang-undang atau berlawanan dengan keterangan yang telah diberi. Oleh itu saya menolak rayuan perayu terhadap sabitan.

Pihak perayu telah juga merayu terhadap hukuman penjara selama 5 bulan yang telah dijatuhkan ke atasnya. Di peringkat rayuan saya mendapati ada beberapa faktor peringanan yang sepatutnya diberi pertimbangan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Perayu berumur 42 tahun semasa ia didapati bersalah dan telah berkhidmat dengan pasukan Polis Di Raja Malaysia selama 21 tahun. Ia telah berumah tangga dan ada 6 orang anak. Kesalahan ini ialah kesalahan pertamanya dan menurut peguamnya ia akan dipecat daripada pasukan polis. Walau pun saya mendapati kesalahan menerima suapan ialah satu kesalahan yang serious, dalam keadaan ini, saya mendapati hukuman penjara yang dikenakan tidak berpatutan. Oleh itu saya mengenepikan hukuman penjara selama 5 bulan yang telah dijatuhkan dan mengenakan sebagai ganti satu (1) hari penjara dan denda sebanyak RM2000 dan jika ingkar 6 bulan penjara dan disamping itu mengesahkan perintah Hakim Mahkamah Sesyen bahawa perayu membayar sebagai penalti RM150 seperti diperuntukan di bawah s. 13 Akta.